



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

29 Sep2021 (Wednesday)

Berita Harian

Projek belum capai objektif bekal air ke Selangor, KL	1
MITI beri tumpuan galak perdagangan, pelaburan	2
JPNS robohkan 23 binaan haram	3
JKR diarah pantau cerun, jalan raya	4
Prestasi eksport negara terus cemerlang	5
Calon gol 'roket' Tae Su ke Puskas	6

Utusan Malaysia

Industri pembinaan belum sedia?	7
Pemankin pertumbuhan ekonomi selepas Covid -19	8

Kosmo

Kilang lebur skrap diserbu JAS	9
--------------------------------	---

Sinar Harian

'Beri sokongan dan perpaduan kepada Sittah'	10
JKR diarah pantau cerun, jalan raya berisiko	11
MBPJ kenal pasti 33 lokasi kerap berlaku banjir kilat	12

Era FM

Lebih 10 Ribu Individu Diistiyarkan Mufis Sejak Pandemik Covid-19	13
---	----

Selangor TV

7,000 Pelajar PTRS Terima Data Internet Percuma Mulai 1 Oktober	14
---	----

The Star

On the watch for tidal floods	15
Kajang council eyeing upgrade to city status	16
Poor project planning led to water project delay, says A-Gs report	17
Unlicensed scrap metal processing facility near Sg Langat to be demolished	18
Waiver, rebate offered to business premises owners	19
Council conducts check on Strata Management Act compliance	20

Astro Awani

Environmental Protection	21
--------------------------	----

China Press

Selangor MB: We need to continue comply with SOP to avoid the cases of pandemic rebound	22
---	----

Sin Chew Daily

Shah Alam city council officials survey for solutions to improve drains and solve flood issues	23
--	----

Nanyang Siang Pau

The white liquid that went into the ditch was treated sewage and the glove factory was found not to be illegal	24
Teng Chang Khim: Selangor continues to be a top choice for investment as the pandemic creates new opportunities	25



KERATAN AKHBAR		
29 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Projek belum capai objektif bekal air ke Selangor, KL
Muka Surat	:	3



Loji Rawatan Air Langat 2 di Hulu Langat.

(Foto hiasan)

Projek belum capai objektif bekal air ke Selangor, KL

Pelaksanaan projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2) Fasa 1 belum dapat mencapai objektif membekalkan 1,130 juta liter sehari (JLH) air terawat ke kawasan sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.

Menurut Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2019 Siri 2, prestasi projek itu tidak memuaskan kerana kelewatan menyiapkan pakej kerja sistem agihan air, menyebabkan penyaluran air terawat ke koridor utara serta koridor barat tidak dapat dibekalkan.

Pada masa sama, pengurusan projek itu kurang cekap kerana kelemahan ketara pada peringkat perancangan projek, memabitkan kelewatan memuktamadkan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor.

Selain itu, pengambilan dan pembermilikan tanah kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan belum selesai serta perbelanjaan untuk Fasa 1, iaitu RM2,853.7 juta melebihi peruntukan diluluskan Jemaah Menteri sebanyak RM2.103 juta.

"Pengoperasian sepenuhnya pam air terawat, genset, alat pengubah dan sistem SCADA (*Supervisory Control and Data Acquisition*) mengikut spesifikasi juga tidak dapat dipastikan kerana komponen lengkap Projek LRAL2 belum diintegrasikan," menurut laporan itu.

Sementara itu, Projek Penyaluran Air Mentah dari Pahang ke Selangor (PPAMPS) antara penyelesaian bekalan air bersih di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya hingga 2025 yang siap pada 2015, belum mencapai penyaluran air mentah 1,890 JLH kerana kelewatan pembinaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 (LRA2).

Keadaan itu menyebabkan kapasiti penyaluran air mentah dari Pahang ke Selangor hanya

mencapai pengepaman 623 JLH bagi enam bulan sehingga 2020.

Sementara itu, LKAN mendapati pengurusan penyenggaraan, pembaikan dan naik taraf kuarters di Putrajaya seliaan Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dilaksanakan dengan kurang cekap dan kurang berkesan.

Menurut laporan itu, terdapat kelemahan dalam pemantauan dan pengurusan aduan kerosakan serta proses pembaikan dan naik taraf unit kuarters kosong yang tidak teratur, menyebabkan kelewatan serahan semula kuarters yang dibaiki kepada Unit Kuarters untuk penawaran kepada penghuni baharu.

Pengauditan memabitkan penilaian terhadap pengurusan penyenggaraan, pembaikan dan naik taraf kuarters di Putrajaya bagi tempoh 2017 hingga 2020 yang meliputi dua bidang utama audit, iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti.

Laporan itu mendedahkan, penyelesaian aduan oleh kontraktor lantikan Jabatan Kerja Raya (JKR) Putrajaya keseluruhannya hanya 75.7 peratus berbanding Petunjuk Prestasi Utama ditetapkan iaitu 90 peratus kerana banyak aduan tertunggak walaupun diberi notis peringatan oleh JKR disebabkan prestasi kontraktor rendah.

Selain itu, penyenggaraan preventif memabitkan kerja pemangkasan pokok pagar unit kuarters jenis teres dan pemotongan rumput kuarters jenis banglo tidak dilaksanakan mengikut jadual berdasarkan 314 aduan penghuni.

Menurut laporan itu, pembaikan unit kuarters kosong dengan kerosakan utama oleh JKR Putrajaya dan PPJ mengambil masa lama antara 69 hingga 1,051 hari untuk JKR Putrajaya dan 13 hingga 885 hari bagi PPJ.

BERNAMA



KERATAN AKHBAR		
29 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	MITI beri tumpuan galak perdagangan, pelaburan
Muka Surat	:	7

MITI beri tumpuan galak perdagangan, pelaburan

Rancangan Malaysia Ke-12 berupaya jadi pemangkin ekonomi mampan

Oleh Suzalina Halid
 suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan memperkukuhkan asas ekonomi negara dengan memberi tumpuan menggalakkan perdagangan dan pelaburan terbuka, telus serta mera perniagaan dalam usaha mencapai sasaran menarik pelaburan swasta melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, RMK-12 berupaya menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi mampan untuk Malaysia selepas usaha ke arah itu yang dilaksanakan selama ini terganggu akibat pandemik COVID-19.

Katanya, agenda pembangunan negara dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail



Sabri Yaakob semalam adalah bersumberkan pemikiran strategik jangka panjang dan mempunyai perencanaan komprehensif yang akan melonjakkan ekonomi ke tahap lebih tinggi, menjana pertumbuhan rancak serta mampu mencipta kekayaan untuk dikongsi Keluarga Malaysia.

"RMK-12 juga lanjutan usaha gigih Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memulakan libat urus dengan pelbagai pihak sebagai langkah inklusif.

"Walaupun landskap pelaburan dan perdagangan kekal mencabar serta kompetitif, saya yakin RMK-12 berada di landasan tepat didukung dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang menggariskan beberapa langkah proaktif untuk menggerakkan agenda pemulihan ekonomi dan menjamin pertumbuhan mampan," katanya melalui kenyataan, semalam.

Perdana Menteri kelmarin membentangkan RMK-12 di Dewan Rakyat yang menetapkan hala tuju strategik bertemakan

'Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan'.

RMK-12 bagi tempoh 2021-2025 itu merangkumi sembilan fokus utama iaitu Merencanakan Pertumbuhan Ekonomi, Memperkukuh Pemangkin Pertumbuhan, Meningkatkan Kesejahteraan Keluarga Malaysia, Memantapkan Keselamatan dan Ketenteraman Awam dan Membasmi Kemiskinan Tegar dan Merapatkan Jurang Pendapatan.

Melalui RMK-12, kerajaan menjangkakan sasaran jumlah purata pelaburan swasta setiap tahun sebanyak RM258 bilion.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, peruntukan perbelanjaan pembangunan RMK-12 sebanyak RM400 bilion jelas menzahirkan komitmen kerajaan untuk mendepani cabaran ekonomi global yang dinamik.

Katanya, RMK-12 yang turut memberi penekanan kepada pembangunan pertumbuhan sektor baru dalam mencerdaskan ekonomi negara yang selari dengan usaha MITI termasuk pembangunan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), industri halal dan aeroangkasa adalah bertepatan dengan Dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA).

"Ia mampu menarik pelabur asing (FDI) yang berimpak dan

berteknologi tinggi bagi meningkatkan daya saing dan tarikan Malaysia sebagai hub pelaburan serantau," katanya.

Selain itu katanya, usaha menjadikan Malaysia sebagai negara neutral karbon seawal tahun 2050 adalah sejajar dengan teras NIA bagi mempercepatkan pertumbuhan hijau dengan memberi lebih penekanan terhadap ESG.

Beliau berkata, dalam melaksanakan usaha ini, MITI memberi keutamaan kepada usaha memperkukuhkan ekosistem bagi pembangunan kenderaan Energy Efficient Vehicle (EEV) termasuk Electric Vehicle (EV).

"Ini meliputi pembuatan komponen kritikal, penetapan piawai dan menggalakkan aktiviti keupayaan dan kemampuan penyelidikan untuk membangunkan teknologi tempatan.

Mohamed Azmin berkata, berikutan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PKMS) adalah tulang belakang kepada ekonomi negara, maka RMK-12 juga menasaskan untuk meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sektor ini kepada 45 peratus.

Bagi tujuan itu katanya, MITI menyediakan pelbagai kemudahan bertujuan membantu PMKS seperti skim pembiayaan mudah melalui MIDF.



KERATAN AKHBAR
29 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JPNS robohkan 23 binaan haram
Muka Surat	:	15



14 hektar Hutan Simpan Bukit Lagong dikesan kena ceroboh

Oleh Nor Azizah Mokhtar
 bhnews@bh.com.my

Gombak: Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) merobohkan 23 struktur binaan di hulu secara haram di Hutan Simpan Bukit Lagong di sini, menerusi Ops Lagong selama dua hari, bermula semalam.

Antara struktur binaan yang dirubuhkan termasuk pondok dan hangsal koya, rumah kayu, kolam ikan, reban ayam, kandang kambing dan lembu serta sebuah rumah batu dua tingkat. Kebanyakan struktur binaan itu didirikan di hutan simpan yang diceroboh untuk dijadikan dusun buah-buahan, tanaman kontan, kolam penternakan ikan serta kandang ternakan lembu, kambing dan ayam.

Ops Lagong diketuai Ketua Operasi, Mohd Shahril Abd Ras

hid dilakukan di kawasan hutan simpan yang dikesan diceroboh seluas kira-kira 14 hektar dari pada keseluruhan Hutan Simpan Bukit Lagong yang berkeluasan 3,624.10 hektar.

Timbalan Pengarah Operasi Hutan JPNS, Noriddin Noor, berkata pelbagai nota sudah diberikan secara berkala sejak lima tahun lalu meminta penceroboh menghentikan aktiviti mereka di hutan simpan tersebut.

"Kawasan ini didapati diterokek secara haram, sesetengahnya di anggarkan dilakukan sejak 20 tahun lalu, berdasarkan usia pokok yang ditanam dan terbara dikesan berlaku pada tahun ini dan tahun lalu.

"Aktiviti mereka (penceroboh) adalah menebang pokok hutan untuk mendirikan kebun, menanam pokok durian dan tanaman kontan," katanya pada sidang media di lokasi, semalam.

Noriddin berkata, sebanyak 23 struktur binaan akan dirubuhkan dengan 12 dirubuhkan semalam dan selebihnya akan di-sambung hari ini.

"Kita percaya terdapat 50 hingga 60 individu terlibat dalam aktiviti pencerobahan di hutan simpan ini, namun buat masa ini kita



Ops Lagong merobohkan struktur binaan haram di Hutan Simpan Bukit Lagong Gombak, semalam. (Foto BERNAMA)

JPNS robohkan 23 binaan haram

masih mengesan pihak yang bertanggungjawab.

"Kita minta mereka berhenti daripada terus menceroboh kerana perbuatan itu adalah satu kesalahan hutan mengikut Enakmen (Pemakain) Akta Hutan 1983 di bawah Seksyen 32 dan Seksyen 81.

"Sekiranya didapati bersalah, mereka boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM100,000 atau penjara tidak kurang daripada enam bulan," katanya.

Mengulas lanjut, Noriddin berkata, anggaran pencerobahan dianggarkan berkuat sejak 20 ta-

hun lalu berdasarkan saiz pokok yang ditanam seperti pokok durian di kawasan yang diterokek.

"Pada peringkat awal (pewartan hutan simpan), timbul masalah daripada segi persempadanan kerana ia masih tidak jelas.

"Bagaimanapun, persempadanan sudah dikenal pasti dan ada kebun dan dusun yang diterokek itu didapati masuk di dalam kawasan hutan simpan, justeru tindakan perlu diambil.

"Kita juga mahu memastikan tiada sebarang penempatan didirikan di kawasan hutan kerana tidak mahu ia menjadi seperti

kawasan setingan," katanya.

Tambahnya, pihak ada menerima lebih 100 permohonan daripada orang ramai untuk melakukan penerokaan namun aktiviti sedemikian adalah dilarang dan tiada sebarang kebenaran diberikan.

Ops Lagong yang dijalankan secara bersepadu bersama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, Majlis Perbandaran Selangor (MPS), Pejabat Daerah dan Tanah Gombak dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) Gombak dengan kekuatan 75 pegawai dan anggota.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	JKR diarah pantau cerun, jalan raya
Muka Surat	:	22



Fadillah melihat plan projek menaik taraf jambatan merentasi Sungai Kerian serta membina jejambat merentasi persimpangan Jalan Persekutuan dan Jalan Transkrian ketika lawatan kerja, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

JKR diarah pantau cerun, jalan raya

Mesyuarat bincang kesiapsiagaan hadapi musim tengkujuh

Oleh Nur Izzati Mohamad
 bhnews@bh.com.my

Nibong Tebal: Jabatan Kerja Raya (JKR) di seluruh negara sudah diarahkan untuk memantau kawasan cerun dan jalan raya bagi persediaan menghadapi musim tengkujuh yang diramalkan tidak lama lagi.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata satu mesyuarat berhubung perkara itu sudah diadakan minggu lalu bagi membincangkan kesiapsiagaan JKR dalam berdepan musim peralihan monsun.

Katanya, selain JKR, syarikat konsensi juga akan berada di la-

pangan bagi kerja pemantauan di bahagian cerun dan jalan raya.

"Dalam mesyuarat itu, kita sudah arahkan JKR tidak kira sama ada memantau bahagian cerun atau jalan raya supaya bersiap siaga, khususnya dalam musim peralihan monsun.

"Peralihan monsun akan menyebabkan ribut petir dan hujan lebat, justeru perlu pantau supaya apa-apa kemungkinan berlaku, maka dapat ambil langkah pencegahan," katanya ketika diminta mengulas persediaan dan langkah keselamatan diambil JKR terutama di kawasan cerun yang berisiko berlaku tanah runtuh menjelang musim tengkujuh.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Majlis Penyerahan Projek Menaiktaraf Laluan Persekutuan FT001 dari Persimpangan Permatang Keling (Sek 720) ke Jambatan di Atas Sungai Junjung, Simpang Ampat, di sini, semalam.

Fadillah turut merasmikan Projek Menaiktaraf Jambatan FT001/724/5 yang merentasi

Sungai Kerian dan membina jejambat merentasi persimpangan Jalan Persekutuan ke Jalan Transkrian FT001/FT283 dalam daerah Seberang Perai Selatan.

Sementara itu, Fadillah turut meminta kerajaan Pulau Pinang untuk mematuhi semua kriteria ditetapkan JKR sebelum melaksanakan projek yang dirancang.

Katanya, secara umum setiap projek yang ingin dilaksanakan perlu memenuhi semua kriteria ditetapkan.

"Dalam setiap pelaksanaan projek, kita perlu lihat banyak perkara iaitu yang pertama sekali melakukan kajian awal sama ada projek terbabit diperlukan atau tidak.

"Jika ia diperlukan, kriteria kedua memikirkan sama ada projek itu memberi kesan sosial kepada masyarakat dan ketiga dari segi persekitaran. Selepas itu, kriteria seterusnya perlu lihat kos efektif jika semua kriteria terbabit perlu dipenuhi sebelum melaksanakan sebarang projek," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
29 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Prestasi eksport negara terus cemerlang
Muka Surat	:	35

Prestasi eksport negara terus cemerlang

Perdagangan Malaysia mengekalkan momentum positifnya bulan lalu apabila eksport berkembang 18.4 peratus kepada RM95.59 bilion, pertumbuhan dua angka selama 12 bulan berturut-turut sejak September 2020.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pertumbuhan eksport pada Ogos 2021 disumbangkan oleh permintaan luar yang kukuh bagi keluaran petroleum, barangan elektrik dan elektronik (E&E) disebabkan oleh kenaikan eksport semikonduktor serta kimia dan bahan kimia.

Beliau berkata, eksport ke semua pasaran utama iaitu ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun merekodkan pertumbu-

han positif.

Katanya, berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, lebihan dagangan melonjak 55.5 peratus, manakala perdagangan, eksport dan import masing-masing menyusut 6.1 peratus, 1.8 peratus dan 11.2 peratus.

"Bagi lapan bulan pertama 2021, perdagangan berkembang 22.9 peratus kepada RM1.407 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

"Dalam tempoh ini, eksport meningkat sebanyak 24.9 peratus kepada RM778.49 bilion, pertumbuhan terpanjang direkodkan sejak 1998.

"Import naik 20.4 peratus kepada RM628.29 bilion dan lebihan dagangan melonjak 48.2 peratus kepada RM150.2 bilion," katanya dalam satu kenyataan.

Secara keseluruhan, perdagangan Malaysia meningkat 15.7 peratus kepada RM169.79 bilion berbanding Ogos 2020, pertumbuhan dua angka yang ke tujuh bulan berturut-turut direkodkan sejak Februari 2021.

Import pula meningkat 12.5 peratus kepada RM74.2 bilion, manakala lebihan dagangan naik sebanyak 44.7 peratus kepada RM21.39 bilion.

Pada Ogos 2021, eksport barangan perkilangan merangkumi 84.6 peratus daripada jumlah keseluruhan, mencatatkan pertumbuhan 15.4 peratus tahun ke tahun kepada RM80.83 bilion.

Sementara itu, eksport keluaran petroleum, barangan elektrik dan elektronik (E&E), kimia dan bahan kimia, barangan perkilangan logam serta barangan perki-

langan berasaskan minyak sawit mencatatkan kenaikan melebihi RM1 bilion.

Eksport keluaran pertanian pula berkembang 28.5 peratus kepada RM7.34 bilion berbanding Ogos 2020, pertumbuhan dua angka yang keenam bulan berturut-turut direkodkan sejak Mac 2021.

Ini disokong khususnya oleh kenaikan eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit.

Dalam pada itu, eksport hasil galian melonjak 50.6 peratus tahun ke tahun kepada RM7.05 bilion, pertumbuhan dua angka yang kelima bulan berturut-turut sejak April 2021.

Peningkatan ini disokong oleh kenaikan eksport gas asli cecair (LNG) yang meningkat sebanyak RM1.86 bilion.

Bagi lapan bulan pertama 2021, perdagangan berkembang 22.9 peratus kepada RM1.407 trilion berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Dalam tempoh ini, eksport meningkat sebanyak 24.9 peratus kepada RM778.49 bilion, pertumbuhan terpanjang direkodkan sejak 1998

Mohamed Azmin Ali,
 Menteri Kanan
 Perdagangan
 Antarabangsa
 dan Industri





KERATAN AKHBAR		
29 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Calon gol 'roket' Tae Su ke Puskas
Muka Surat	:	46

Piala Malaysia

Calon gol 'roket' Tae Su ke Puskas

FIFA puji sepakan percuma pemain Sabah

Oleh Syafiq Aznan
 syafiq.aznan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) wajar mempertimbangkan supaya menghantar pencalonan jaringan sepakan percuma 'roket' pemain Sabah FC, Park Tae Su ketika bertemu PJ City FC bagi pencalonan Anugerah Puskas Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA).

Tenaga Pengajar Elit Konfederasi Bolasepak Asia (AFC), Prof Madya Dr Zulakbal Abd Karim, berkata jaringan terbabit dianggap berkelas dunia dan seharusnya mendapat pengiktirafan yang sewajarnya apatah lagi gol itu berjaya menarik perhatian badan induk antarabangsa itu.

"Kalau gol itu tidak menarik, sudah tentu FIFA tidak akan berkongsi jaringan itu di laman sosialnya. Jadi, saya berpendapat itu sebagai salah satu alasan munasabah di mana FAM patut mempertimbangkan pencalonan itu.

"Berdasarkan gol itu juga, kita melihat teknik dan ketepatan yang dilakukan untuk menghasilkan jaringan itu di mana ia singgah di palang dan terus masuk ke gol. Jika tidak terkena palang, mungkin penjaga gol boleh menyela-matkannya.

"Saya kira jaringan itu adalah hasil daripada latihan yang berpanjangan. Tetapi untuk mencipta jaringan seperti itu sekali lagi, mungkin sukar dan sebab itulah jaringan itu boleh dianggap unik," katanya yang juga Pensya-

rah Kanan Sains Kejurulatihan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Terdahulu, nama Liga Malaysia (Liga M) dan Sabah FC 'mendunia' selepas jaringan Tae Su menarik perhatian FIFA yang menyaksikan mereka berkongsi klip video jaringan terbabit ketika aksi Piala Malaysia bertemu PJ City FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), kelmarin.

Malah, badan induk bola sepak antarabangsa itu turut meninggalkan komen yang memuji jaringan berkelas dunia terbabit apabila menyifatkan gol itu akan menjadi sejarah buat skuad Tambadau.

Sekali imbas, jaringan itu mirip gol yang pernah dihasilkan pemain kebangsaan, Aidil Zafuan Abdul Radzak ketika berdepan Taiwan pada 2011.

Bagaimanapun, jaringan terbabit tidak mencukupi untuk Sabah FC meraih kemenangan apabila diikat tuan rumah 1-1 sekali gus terpaksa berpuas hati berkongsi satu mata.

Pada 2016, bekas pemain Pulau Pinang, Mohd Faiz Subri menjadi kebanggaan Malaysia dan benua Asia selepas menjadi pemain Asia pertama menerima Anugerah Puskas selepas 'gol melawan hukum fizik' dijaringkan ketika menentang Pahang diiktiraf sebagai gol tercantik dunia.

Piala Malaysia

KEPUTUSAN

Melaka	2 - 0	N Sembilan
Kedah	3 - 0	Kelantan Utd
PJ City	1 - 1	Sabah
JDT	2 - 0	Kelantan FC

JADUAL

HARI INI

Sarawak	mln	Sri Pahang	9 mlm
Penang	mln	KL City	9 mlm
Kuching City	mln	Perak	9 mlm
TFC	mln	Selangor	9 mlm

ESOK

Kelantan FC	mln	Sabah	4.45 ptg
Kedah	mln	Melaka	9 mlm
JDT	mln	PJ City	9 mlm

JUMAAT

Kelantan United	mln	N Sembilan	4.45 ptg
-----------------	-----	------------	----------



KERATAN AKHBAR		
29 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Industri pembinaan belum sedia?
Muka Surat	:	15

Industri pembinaan belum sedia?



SEPERTI MANA umum maklum, kerajaan melaksanakan sebanyak tiga kali Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa dalam jangka masa dua tahun. Kini, kita sedang beralih ke fasa endemik seperti yang dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin pada penghujung Oktober ini.


Hal ini akan dilaksanakan selepas 80 peratus penduduk negara menerima dos lengkap vaksin. Namun begitu, apa yang menjadi persoalan, keadaan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya terutama sektor pembinaan.

Ini kerana penekanan melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) yang diwujudkan telah memberi cabaran besar kepada kebanyakan pemain industri di seluruh negara termasuk kontraktor. Antara cabaran utama adalah kewajipan setiap pekerja menjalani kit ujian pantas (RTK) antigen dengan kaedah sendiri atau di fasiliti kesihatan setiap dua minggu.

Menurut Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, keputusan tersebut merupakan langkah proaktif bagi menangani penularan Covid-19 dalam kalangan pekerja di tapak pembinaan. Kontraktor perlu menanggung kos RTK-antigen untuk kesemua pekerja mereka yang ramai jumlahnya di sesebuah projek pembinaan.

Pihak kontraktor agak terbeban dengan kos RTK-antigen yang tinggi. Tambahan pula kos ini tidak dinyatakan dalam mana-mana klausa kontrak dan insurans. Akibatnya, kontraktor perlu menanggung kos yang dianggap sebagai luar jangka ini disebabkan pandemik Covid-19.

Untuk isu seperti ini, kerajaan harus memperhalusi



KERAJAAN disaran mengambil beberapa langkah dalam melaksanakan pengurusan projek pembinaan agar lebih praktikal dan selamat. - UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN



KOS kit ujian pantas yang perlu ditanggung oleh kontraktor bagi semua pekerja asing di tapak projek pembinaan dilihat membebankan. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD

dan menilai semula SOP bagi fasa endemik ini dengan melihat pendekatan yang boleh diambil. Sebelum ini, beberapa negara telah melonggarkan secara keseluruhan SOP. Namun, tindakan tersebut

menyebabkan peningkatan jumlah jangkitan dan kewujudan varian baharu sehingga kerajaan terpaksa mengatatkan kembali dan memperbaharui SOP.

Bagi tujuan ini, saya syorkan beberapa langkah

dalam melaksanakan pengurusan projek pembinaan agar ia lebih praktikal dan selamat. Apa yang perlu dilaksanakan dalam memastikan industri pembinaan berjalan lancar sebelum fasa endemik

bermula yang dijangkakan pada penghujung Oktober nanti merangkumi aspek-aspek berikut:

- Polisi kerajaan yang lebih menekankan keselamatan pekerja industri pembinaan terutama semasa pandemik. Ini adalah disebabkan sehingga kini tidak ada sebarang polisi yang menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja industri pembinaan diwujudkan walaupun negara dilanda penularan Covid-19 hampir dua tahun.

- Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) boleh bekerjasama dengan syarikat-syarikat insurans dan takaful untuk mewujudkan polisi bagi membantu menampung kos ujian RTK antigen, tindak balas rantai polimerase transkripsi balikan (RT-PCR) dan rawatan pekerja sekiranya dijangkiti Covid-19.

- Memperhalusi dan mempermudah SOP untuk industri pembinaan agar ia dapat difahami dan dipatuhi oleh pekerja-pekerja di tapak pembinaan terutama pekerja asing.

- Kerajaan harus melabur secara konsisten dalam pembangunan infrastruktur seperti sekolah, jalan raya, jambatan dan infrastruktur digital kerana ia adalah pemacu utama dalam meningkatkan ekonomi negara dan secara langsung memberi impak kepada industri pembinaan.

Tuntasnya, pandemik Covid-19 telah menggugat kemajuan negara terutamanya menjejaskan pembangunan ekonomi termasuk industri pembinaan yang memberikan impak cukup besar. Justeru, kerajaan perlu memandang serius hal ini dengan mengembalikan pertumbuhan ekonomi sambil membangunkan masyarakat yang inklusif dan seimbang berteraskan konsep Keluarga Malaysia.

PROFESOR Madya Dr. Goh Kai Chen ialah Penyelidik Utama di Pusat Kelestarian Infrastruktur & Pengurusan Alam Sekitar, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.



KERATAN AKHBAR		
29 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pemangkin pertumbuhan ekonomi selepas Covid -19
Muka Surat	:	35

Pemangkin pertumbuhan ekonomi selepas Covid-19

PETALING JAYA: Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi mampan untuk Malaysia setelah pandemik Covid-19 merencatkan usah-usaha yang telah dilaksanakan selama ini.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, agenda pembangunan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kelmarin, bersumberkan pemikiran strategik jangka panjang.

Ia juga mempunyai perencanaan komprehensif yang akan melonjakkan ekonomi ke tahap lebih tinggi, menjana pertumbuhan rancak serta mampu mencipta kekayaan untuk dikongsi oleh Keluarga Malaysia.

Kata beliau, RMK12 adalah lanjutan usaha bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin yang memulakan libat urus dengan pelbagai pihak sebagai langkah yang inklusif.

Tambah beliau, peruntukan sebanyak RM400 bilion menzahirkan komitmen kerajaan untuk mendepani cabaran-cabaran



KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan menggerakkan usaha untuk menjayakan matlamat di bawah RMK12.

ekonomi global yang dinamik.

“RMK12 mengunjurkan sasaran jumlah purata pelaburan swasta setiap tahun sebanyak RM258 bilion. Untuk mencapai sasaran ini, kementerian akan memperkukuhkan asas-asas ekonomi negara dengan memberi tumpuan dalam usaha menggalakkan perdagangan dan pelaburan terbuka, telus

serta mesra-perniagaan.

“Kerajaan akan meratifikasi Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) yang akan memberi akses pasaran lebih luas kepada industri tempatan,” katanya dalam kenyataan, semalam.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Kilang lebur skrap diserbu JAS
Muka Surat	:	14

Kilang lebur skrap diserbu JAS

PUTRAJAYA – Sebuah kilang peleburan besi buruk di Shah Alam, Selangor diserbu sepasukan pegawai penguat kuasa daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri tersebut semalam.

Menurut JAS, operasi mengejut itu turut menemui banyak komponen enjin kenderaan terlerai di premis yang terletak di Alam Impian.

“Bahan skrap tersebut sedia untuk dileburkan bagi penghasilan jongkong aluminium, namun relau itu didapati tidak dipasang alat kawalan pencemaran udara.

“Bahkan, siasatan awal men-

dapati kilang berkenaan juga tiada sebarang kelulusan daripada pihak JAS negeri untuk menjalankan kerja-kerja peleburan bagi tujuan komersial,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, tindakan itu menyebabkan ribuan penduduk di sekitar taman perumahan berhampiran diancam kesan pencemaran bau dan habuk yang dilepaskan setiap hari.

Justeru, katanya, tindakan serta-merta dilaksanakan dengan pihak JAS Selangor menahan operasi kelengkapan proses peleburan bagi menghentikan

segera pencemaran berkenaan selaras peruntukan di bawah Seksyen 38(1)(a) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dengan memastikan pengilang bertanggungjawab.

“Kertas siasatan turut dibuka bagi pelbagai kesalahan menurut Seksyen 22(1) akta berkenaan dan peraturan-peraturan yang berkaitan bagi tindakan susulan.

“Jika disabitkan kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak lebih daripada RM100,000 atau penjara sehingga maksimum lima tahun atau kedua-duanya,” katanya.



SEBAHAGIAN besi buruk sedia dilebur disita di sebuah kilang di Alam Impian, Shah Alam semalam. – IHSAN JAS



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 29 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	'Beri sokongan dan perpaduan kepada Sittah'
Muka Surat	:	7

‘Beri sokongan dan panduan kepada Sittah’

SHAH ALAM - Bekas Ketua Ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT), Sittah Annur yang kembali bertaubat perlu diberikan sokongan dan panduan agar terus istiqamah atas akidah yang benar.

Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Zulkifli Mohamad al-Bakri berkata, Sittah atau nama sebenarnya Masitah Ab Jalar, 39, memerlukan sokongan pada masa ini khususnya daripada mereka yang mengenalinya.

“Membaca beberapa laporan akhbar hari ini, saya melafazkan Alhamdulillah dan syukur atas taubat Masitah Ab Jalar daripada ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir.

“Sejujurnya, saya berbangga dengan kesudian beliau mengakui kekhilafannya. Tahniat atas usaha istitabah dan tindakan pantas serta berhemah yang dijalankan oleh Majlis Agama Islam Selangor, Jabatan Mufti Negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

“Bagi yang mengenali beliau, berilah sokongan dan panduan supaya beliau terus istiqamah. Semoga cahaya kebenaran Islam sentiasa menyuluh kehidupan kita,” katanya dalam satu hantaran di Facebook beliau pada Selasa.

Sittah Annur mengumumkan pengisytiharan taubat (istitabah) secara terbuka di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz



ZULKIFLI

Shah di sini pada Isnin.

Beliau melafazkan taubat itu dan menandatangani dokumen pengisytiharan taubat di hadapan Mufti Selangor, Datuk Dr Anhar Opir dan Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Datuk Mohd Shahzihan Ahmad.

Masitah turut berjanji tidak akan mengulangi perbuatan tersebut dan mengakui semua perbuatannya sebelum ini menyalahi hukum agama Islam dan melanggar pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.



Laporan Sinar Harian pada Selasa.



KERATAN AKHBAR
29 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JKR diarah pantau cerun, jalan raya berisiko
Muka Surat	:	19

JKR diarah pantau cerun, jalan raya berisiko

Berisiko berlaku kejadian tanah runtuh susulan peralihan monsun

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN

NIBONG TEBAL

Jabatan Kerja Raya (JKR) telah diarahkan memantau bahagian cerun atau jalan raya yang berisiko berlaku kejadian tanah runtuh susulan peralihan monsun yang akan berlaku tidak lama lagi.

Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, pihaknya kini bersiap siaga berdepan sebarang kemungkinan termasuk perubahan cuaca tidak menentu yang berlaku kebelakangan ini bagi memastikan keselamatan dan keselamatan penduduk terjamin.

“Bila berlaku perubahan monsun, akan terjadi ribut petir dan hujan yang lebat, jadi dalam mesyuarat minggu lalu kita telah arahkan pasukan JKR membuat pemantauan terutama di kawasan berisiko berlaku tanah runtuh supaya langkah pencegahan awal dapat diambil.

“Sekiranya dapat dikesan, kita kena lihat dari segi keselamatan supaya dapat beri amaran awal kepada pengguna



Fadillah (tiga dari kiri) ketika memantau projek menaik taraf laluan Persekutuan dari Persimpangan Permatang Keling ke Jambatan Di Atas Sungai Junjung, Simpang Empat pada Selasa.

